



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 Jun 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Dua cawangan Madani Mart miliki lesen CSA

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memantau dengan teliti setiap laporan penyata kewangan dan penyata tahunan, selain sedia bertindak sekiranya ada aduan dikemuka terhadap mana-mana entiti didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) termasuk Madani Mart.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata, SSM sebagai pengawal pendaftaran kepada syarikat, akan memastikan operasi dan keuntungan diperoleh mana-mana entiti perlu dibelanjakan untuk tujuan mencapai objektif penubuhannya.

Beliau berkata, inisiatif Madani Mart yang diterajui

Yayasan Madani adalah jenama perniagaan peruncitan swasta dan bukannya sebuah inisiatif kerajaan.

“Yayasan Madani didaftarkan melalui agensi KPDN, iaitu SSM. Pendaftarannya dibuat di bawah Seksyen 45 Akta Syarikat 2016 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan.

“Kedua, mana-mana pihak atau entiti perniagaan yang menjalankan aktiviti berkaitan barang kawalan berjadual adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan perlu mendapatkan lesen barang kawalan berjadual (CSA) daripada KPDN.

“Kewajipan ini dikenakan ke atas semua premis peruncitan yang menyim-

pan, membekal atau menjual barang kawalan berjadual. Berdasarkan rekod kementerian, dua cawangan Madani Mart memiliki lesen CSA yang didaftarkan atas dua entiti perniagaan yang bertindak sebagai operator,” katanya menjawab soalan **Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu)** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat.

Inisiatif Madani Mart yang diterajui Yayasan Madani adalah strategi yang disokong kerajaan bagi memperkukuh kesejahteraan rakyat serta menangani cabaran kos sara hidup secara menyeluruh.

Kedai runcit MADANI Mart pertama di negara ini adalah di cawangan Indera

Mahkota 8 (IM8), Pahang yang dibuka pada April lalu, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, KPDN sentiasa menyokong sebarang inisiatif yang dapat meningkatkan akses rakyat kepada barangan keperluan harian pada harga berpatutan serta membuka peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.

“Selaras aspirasi memperkukuh ekonomi domestik, kementerian akan terus memainkan peranan dalam mewujudkan ekosistem perdagangan yang kondusif, berdaya saing dan memberi manfaat kepada pengguna serta komuniti perniagaan,” katanya.

Madani Mart bukan inisiatif kerajaan



Madani Mart merupakan konsep kedai komuniti yang menyediakan barangan keperluan harian pada harga berpatutan dan mudah dicapai oleh rakyat, berteraskan slogan 'Kedai Runcit Harga Rahmah'.

Diterajui Yayasan Madani, merupakan jenama perniagaan peruncitan swasta

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR - Madani Mart yang diterajui Yayasan Madani merupakan jenama perniagaan peruncitan swasta, bukannya inisiatif kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pendaftaran lesen dan pengoperasiannya melibatkan hubungan antara yayasan berkenaan dan perniagaan yang dilesenkan.

Bagaimanapun katanya, meskipun Madani Mart tidak melibatkan bidang kuasa secara langsung Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), terdapat dua perkara yang menyentuh tanggungjawab kementerian itu.

"Pertama, Yayasan Madani telah didaftarkan melalui agensi KPDN iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pendaftaran dibuat di bawah Seksyen 45, Akta Syarikat 2016 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan.

"Kedua, mana-mana pihak atau entiti perniagaan yang menjalankan aktiviti berkaitan barang kawalan berjadual adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan perlu men-

dapatkan Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) daripada KPDN," katanya di Dewan Rakyat di sini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu)** mengenai status terkini pelaksanaan inisiatif Madani Mart termasuk jumlah cawangan yang telah beroperasi, jumlah permohonan diterima dan jumlah usahawan yang terlibat.

Armizan berkata, kedua-dua syarat berkenaan dikenakan ke atas semua premis peruncitan yang menyimpan, membekal atau menjual barang kawalan berjadual.

Berdasarkan rekod kementerian katanya, dua cawangan Madani Mart memiliki lesen CSA yang didaftarkan.

KPDN bongkar stor LPG haram, babit sitaan RM405,338

KUANTAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang membongkar kegiatan penyimpanan gas petroleum cecair (LPG) secara haram apabila menyerbu sebuah stor tidak berlesen dalam Ops Tiris 4.0 Bersepadu di sini, kelmarin, dengan nilai sitaan keseluruhan dianggarkan RM405,338.

Pengarah KPDN Pahang, Jezli-ly Jamaluddin berkata, serbuan hasil risikan selama dua minggu dan maklumat awam itu menda-pati sebuah kawasan berpagar di-jadikan lokasi penyimpanan LPG tanpa kebenaran sah, sekali gus disyaki melanggar peruntukan di bawah undang-undang berkaitan.

"Pasukan penguatkuasa menem-ukan sejumlah besar LPG di-simpan dalam sebuah treler dan sebanyak 829 tong LPG pelbagai kapasiti disimpan di lokasi ber-kenaan.

"Siasatan mendapati premis

itu tidak memiliki lesen atau se-barang kebenaran yang sah dari-pada Pengawal Bekalan untuk menyimpan barang kawalan ber-jadual sebagaimana ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang," katanya di sini, semalam.

LPG, tong LPG, dokumen berkaitan, sebuah treler dan ba-rangan lain dipercayai mumpu-nyai kaitan dengan kes itu disita dan disiasat bawah Seksyen 20(1), Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 [Akta 122].

KPDN Pahang memberi ama-ran tegas kepada mana-mana pihak tidak terlibat dalam se-barang aktiviti penyimpanan, pengedaran atau urus niaga ba-rang kawalan berjadual yang menyalahi undang-undang.

Kesalahan boleh diambil tin-dakan di bawah AKB 1961. Jika orang itu pertubuhan perbadan-an, boleh didenda tidak mele-bihi RM2 juta dan bagi kesalahan

kali yang kedua atau yang beri-kutnya, didenda tidak melebihi RM5 juta.

"Atau jika orang itu bukan sua-tu pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Mana-mana individu diberi amaran untuk tidak terlibat dalam aktiviti penyimpanan, pengedaran atau urus niaga ba-rang kawalan berjadual yang melanggar peruntukan undang-undang.

Penguatkuasaan akan diper-tingkatkan bagi memastikan bekalan barang kawalan sentiasa terpelihara dan tidak disalahguna pihak tidak bertanggungjawab.



ANGGOTA Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang memeriksa sebuah treler dalam operasi khas Ops Tiris 4.0 Bersepadu di Bentong, Pahang.

6,850 litres petrol seized in Semporna

Azmie Lim

SEMPORNA: A total of 6,850 litres of petrol were seized in a blitz under the Ops Tiris 4.0 at Kampung Mesra, here, on Monday.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna branch said the first seizure involved 174 jerry cans containing 4,350 litres of petrol on two wooden boats with outboard engines.

The second seizure involved 100 jerry cans containing 2,500 litres of petrol.

Both seizures were made by the Sabah Marine Police Force before being handed over to the KPDN Semporna.

KPDN Semporna, in a statement, said all the seizures were worth RM52,482, including RM25,482 worth of controlled items.

The cases are being investigated under the Control of Supplies Act 1961.



RAMPAS: Minyak petrol yang disyaki untuk tujuan penyelewengan dirampas dalam operasi penguatkuasaan di Kampung Mesra, Semporna.

6,850 liter petrol disyaki diseleweng dirampas di Semporna

Oleh Hamzah Sanudin

SEMPORNA: Sebanyak 6,850 liter minyak petrol disyaki untuk tujuan penyelewengan dirampas dalam dua operasi berasingan di kawasan perkampungan atas air Kampung Mesra, di sini, semalam.

Rampasan itu diperoleh hasil pemeriksaan yang dijalankan Pasukan Polis Marin (PPM) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Semporna untuk tindakan lanjut.

Dalam kes pertama, pihak berkuasa merampas 4,350 liter minyak disyaki petrol yang disimpan dalam 174 jerikin berkapasiti 25 liter setiap satu.

Turut disita dua bot kayu berwarna kelabu, sebuah enjin sangkut 200 kuasa kuda (HP) dan dua enjin sangkut 85HP.

Kes kedua pula membabitkan rampasan 2,500 liter minyak disyaki petrol yang disimpan dalam 100 jerikin berkapasiti 25 liter.

Menurut kenyataan KPDN Sabah, kedua-dua rampasan itu dibuat tanpa sebarang tangkapan selepas tiada individu tampil mengaku memiliki barang berkenaan ketika

operasi dijalankan.

"Nilai rampasan barang kawalan dianggarkan sebanyak RM25,482 manakala keseluruhan nilai rampasan termasuk bot dan enjin yang disita berjumlah kira-kira RM52,482.

"Susulan itu, KPDN Cawangan Semporna membuka dua kertas siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk tindakan lanjut," menurut kenyataan itu semalam.

KPDN berkata, Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) akan terus dipergiatkan bagi mengekang aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi yang boleh menjejaskan bekalan kepada pengguna serta menyebabkan ketirisan subsidi kerajaan.

Menurutnya, pihak yang didapati melanggar peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 boleh dikenakan tindakan tegas.

Bagi individu, sabitan kesalahan boleh membawa denda sehingga RM1 juta bagi kesalahan pertama dan RM3 juta bagi kesalahan berikutnya atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, syarikat yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan berikutnya.



■内贸局执法人员正清算非法储存的液化石油气桶。

(文冬23日讯)彭亨国内贸易及生活成本局(KPDN)在“综合漏税行动4.0”下展开特别执法行动，成功侦破一宗涉嫌非法储存统制品案件，起获829桶不同容量的液化石油气(LPG)，充公物品总值逾40万令吉。

彭亨国内贸易及生活成本局主任芝莉丽指出，这项行动是执法人员经过为期2周的情报搜集，并根据公众提供的线索展开调查后，于昨日在文冬一处地点进行突击检查。

“执法人员在一个设有围栏的场所检查时，发现该地点疑似被用作储存液化石油气用途。进一步检查发现，大量的液化石油气储存在一辆半挂式拖格罗厘内。”

她说，调查结果显示，

拖格變移動倉庫

破非法囤積 829 桶煤氣

现场共存放829桶不同容量的液化石油气，但该场所并未持有统制品监管官发出的执照或合法批准文件，涉嫌非法储存统制品。

總值40萬令吉

“当局随后充公现场液化石油气、气桶、相关文件、一辆拖格罗厘及半挂式拖车，以及其他相信与案件有关的物品，充公物品总值约40万5338令吉。”

她说，该案件目前援引1961年统制品法令(第122法令)第20(1)条文展开调查，即涉嫌在未经许可

或未获统制品监管官批准的场所储存统制品。

她指出，任何人士不得涉及违反法律规定的统制品储存、分销或买卖活动，否则将面对严厉执法行动。

根据1961年统制品法令，一旦罪成，公司或机构可被罚款不超过200万令吉；重犯者则可被罚款不超过500万令吉。

若罪犯为个人，则可被罚款不超过100万令吉或监禁不超过两年，或两者兼施；重犯者则可被罚款不超过300万令吉或监禁不超过5年，或两者兼施。

6,850 liter petrol dirampas di Semporna

Azmie Lim

SEMPORNA: Sebanyak 6,850 liter petrol dirampas menerusi Ops Tiris 4.0 dilaksanakan di Kampung Mesra pada Isnin.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna memaklumkan rampasan pertama melibatkan 174 tong jerry yang mengandungi 4,350 liter petrol bersama dua bot kayu, sebuah enjin Yamaha 200HP dan dua enjin Yamaha 85HP.

Manakala rampasan kedua melibatkan 100 tong jerry yang mengandungi 2,500 liter petrol.

Kedua-dua rampasan itu dilakukan oleh Polis Marin Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah sebelum diserahkan kepada KPDN Semporna.

Menurut kenyataan KPDN keseluruhan

rampasan dianggarkan bernilai RM52,482 termasuk RM25,482 bagi barangan terkawal.

KPDN juga telah membuka dua kertas siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu KPDN memberi amaran keras kepada mana-mana individu atau syarikat yang

terlibat supaya sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Semua individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 122 dengan hukuman denda sehingga RM1 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM3 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan berikutnya.

Bagi syarikat pula denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM5 juta bagi kesalahan kedua atau seterusnya jika sabit kesalahan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh membuat aduan kepada kementerian melalui WhatsApp, pusat panggilan atau aplikasi Ez Adu KPDN.



TONG jerry mengandungi petrol dirampas di Semporna.

L
v
P
P
C
n
B
P
h
P
d
n
P
d
P
S
n
S
c
d

C
R
y
(
n
k
M
n
d
E
t
n
J
k
E



仙本那贸消部接两宗案件 起获 6850 公升疑遭滥用汽油

(仙本那 23 日讯) 国内贸易及生活成本部 (KPDN) 仙本那分局日前在“反漏油行动 4.0” (Ops Tiris 4.0 Bersepadu) 中, 接获由执法单位移交的两宗案件, 共起获 6,850 公升涉嫌遭非法转运及滥用的汽油, 估计总值达 5 万 2482 令吉。

根据沙巴贸消部今日发表的声明, 上述起获行动是由沙巴警察总部海上警察部队 (PPM) 在仙本那甘榜梅斯拉 (Kampung Mesra) 水上村一间无门牌房屋展开检查时发现。

首宗案件中, 执法人员发现 4,350 公升疑似汽油被储存在 174 个容量为 25 公升的塑料油桶 (Jerikin) 内。执法人员同时充公两艘灰色木船、一台

200 匹马力 (HP) 雅马哈舷外发动机, 以及两台 85 匹马力雅马哈舷外发动机。

至于第二宗案件, 则起获 2,500 公升疑似汽油, 分别储存在 100 个容量为 25 公升的塑料油桶内。

声明指出, 由于执法人员展开行动时现场并无任何人士, 因此两宗案件均没有涉及逮捕行动。

当局表示, 被充公的受管制燃油价值估计约 2 万 5482 令吉; 若连同遭扣押的船只及发动机计算在内, 整体起获物品总值约 5 万 2482 令吉。

仙本那贸消部分局已针对上述两宗案件开档调查, 并援引 1961 年供应管制法令第 21 条文展开进一步行动。

贸消部同时严正警告个人及公司, 必须遵守有关受管制物品供应及储存的法律规定, 任何企图滥用、走私或非法转运受补贴燃油的行为, 都将面对严厉处罚。

根据现行法律, 个人一旦罪成, 首次违法可被罚款最高 100 万令吉; 重犯者可被罚款最高 300 万令吉, 或监禁不超过 3 年, 或两者兼施。

至于公司方面, 首次违法最高可被罚款 200 万令吉; 若再次违法, 罚



仙本那贸消部接两宗案件起获 6850 公升疑遭滥用汽油。 (18D)

款额可提高至 500 万令吉。

贸消部强调, 将持续联合各执法机构加强监督与执法行动, 严厉打击受补贴燃油遭滥用及走私活动, 以保障国家资源及人民利益。 (18#)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Ling gesa petugas khas siasat dakwaan penipuan perguna subsidi Budi MADANI

SIBU: Ahli Parlimen Sibu Oscar Ling menggesa penubuhan satu pasukan petugas khas bagi menjalankan siasatan menyeluruh berhubung kemungkinan wujudnya aktiviti terancang yang melibatkan penyalahgunaan maklumat peribadi untuk mendapatkan subsidi bahan api kerajaan secara penipuan di bawah program Budi MADANI.

Gesaan itu dibuat selepas pusat khidmat beliau menerima aduan kedua yang serupa dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini, sekali gus mendorong Ling menggesa pihak polis dan agensi penguatkuasaan berkaitan memandang serius penyalahgunaan maklumat kad pengenalan (KP) bagi menuntut dan menggunakan subsidi bahan api tersebut.

Menurut beliau, mangsa terbaru hanya menyedari perkara itu apabila cuba menggunakan subsidi bahan api Budi MADANI dan mendapati kuota subsidi bulanannya telah habis digunakan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati subsidi tersebut telah digunakan di sebuah stesen minyak di Sarikei, berhampiran sini, namun mangsa tidak pernah melakukan sebarang transaksi di stesen



LING

berkenaan, sekali gus menimbulkan syak bahawa maklumat kad pengenalan telah disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

"Apa yang lebih membimbangkan ialah berdasarkan maklumat yang ada ketika ini, transaksi seperti itu cenderung berlaku antara jam 4 pagi hingga 5 pagi, dengan beberapa pembelian bahan api dilakukan dalam tempoh masa yang singkat," tambahnya.

Beliau berkata, corak transaksi berulang yang berlaku dalam tempoh masa tetap dan

pada kadar yang tinggi menunjukkan ia bukan kejadian terencil, sebaliknya mungkin sebahagian daripada operasi jenayah yang diselaraskan dan sistematik.

Ling menjelaskan, program Budi MADANI diperkenalkan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat serta memastikan subsidi kerajaan disalurkan secara bersasar kepada penerima yang layak.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran bahawa jika maklumat kad pengenalan boleh disalahgunakan dengan mudah, mangsa bukan sahaja

kehilangan manfaat yang sepatutnya diterima, malah sejumlah besar dana awam juga berisiko disalahgunakan.

"Ini bukan sekadar kes penyalahgunaan identiti.

"Ta juga melibatkan potensi penyelewengan dana awam dan oleh itu memerlukan perhatian serius daripada kerajaan serta pihak penguat kuasa," tegasnya.

Tambah Ling, ketika kerajaan secara berperingkat memperluaskan mekanisme subsidi, bersasar termasuk melibatkan subsidi diesel, jumlah dana awam yang terlibat akan meningkat dengan ketara dan memberikan kepada segmen masyarakat yang lebih luas.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan bahawa jika kelemahan dalam sistem pengesahan identiti tidak ditangani segera, bilangan individu yang terjejas berkeungkinan akan terus meningkat.

"Justeru, saya menggesa pihak polis menubuhkan pasukan petugas khas dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Kewangan (MOF) serta agensi berkaitan lain bagi menjalankan siasatan menyeluruh.

"Ini termasuk meneliti rekod transaksi, menyemak rakaman kamera litar tertutup (CCTV) distesen minyak yang terlibat dan menentukan sama ada sindiket terancang sedang mengeksploitasi maklumat kad pengenalan untuk menuntut subsidi kerajaan secara penipuan," katanya.

Pada masa sama, Ling mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula dan memperkukuh mekanisme pengesahan identiti sedia ada, termasuk menambah baik prosedur pengesahan masa nyata, memperkenalkan sistem amaran awal bagi transaksi mencurigakan serta melaksanakan semakan automatik terhadap tuntutan subsidi yang dibuat pada kadar luar biasa tinggi.

Beliau menegaskan, setiap dasar yang berteraskan rakyat mesti disokong oleh rangka kerja pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan.

"Kerajaan mesti bertindak pantas dan tegas untuk membendung penyalahgunaan maklumat identiti bagi tuntutan subsidi secara penipuan serta memastikan sumber awam dilindungi dan disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak menerima bantuan," katanya.

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

ORDER AHEAD IN THE APP, PICK UP IN STORE | SEE YOU AT STARBUCKS®

© 2026 Starline Media Group. All rights reserved.

WSP

PETALING JAYA: Malaysia has no shortage of food-related policies, yet an expert opined that the absence of a single, legally binding framework continues to leave the country exposed during emergencies — a concern that is becoming harder to ignore as climate disruptions and global supply tensions intensify.

The push for a National Food Security Act by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu comes amid growing concerns over El Nino-driven droughts, flooding and global food supply disruptions.

Universiti Putra Malaysia agricultural economist Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin said Malaysia's food governance architecture is currently spread across multiple policies and agencies, but lacks statutory coordination.

"Malaysia's food security strategy is primarily driven by the National Food Security Policy 2030 and the National Agrofood Policy 2021-2030.

"Thus, Malaysia does not lack food policies. But the main issue is it lacks a legally binding framework that integrates and coordinates them," he told *theSun*.

He said responsibilities are currently distributed across multiple ministries, including the Agriculture and Food Security Ministry, Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Health Ministry, Finance

Food Security Act needed to fix crisis loopholes

► Current policy fragmentation leaves nation exposed during emergencies, warns economist

Ministry, state authorities and disaster management agencies.

"In the event of disruptions such as pandemics, export bans, extreme weather events or supply chain shocks, coordination can be slow because no single law mandates how these agencies must act collectively."

Mad Nasir added that the current system relies heavily on administrative mechanisms rather than legal obligations, particularly in data sharing and crisis response.

"There is no statutory requirement for agencies to collect, integrate and share food security intelligence, climate data, production forecasts, import risks or stock levels."

He said a proposed Act would formalise coordination and strengthen crisis preparedness.

He added that repeated global shocks from pandemics, wars and climate events have elevated food security into a national security concern.

"Food security should increasingly be treated as a national security issue alongside defence and energy security."

"Disruptions in food supply can threaten economic stability, social cohesion, public welfare and political stability, as seen during the Covid-19 pandemic, export restrictions on staple foods, geopolitical conflicts and climate-related shocks," he said.

Food security, he added, should also be viewed alongside water security as a core pillar of national resilience.

The urgency of reform, he said, is

underscored by Malaysia's exposure to global food shocks, with the country remaining a price taker for several key commodities.

"Malaysia imports large volumes of rice, wheat, beef, dairy products and animal feed ingredients such as corn and soybean meal, limiting its influence over global pricing."

"Malaysia is not completely at the mercy of external suppliers, but for several key food commodities, it is largely a price taker rather than a price maker."

He warned that global shocks such as El Nino events and geopolitical tensions could significantly disrupt feed supply chains, pushing up production costs and consumer prices.

"The country imports virtually all of its grain corn requirements and a substantial proportion of its soybean meal needs, which are key ingredients in livestock and poultry feed."

"Consequently, this will raise feed

costs, increase poultry production expenses, and ultimately contribute to higher food prices for consumers."

On response capacity, Mad Nasir said Malaysia can manage short-term disruptions through buffer stocks and alternative sourcing, but structural weaknesses become more apparent during prolonged crises.

"If a major food-exporting country imposes sudden export restrictions, Malaysia can respond relatively quickly in the initial stages."

"However, the effectiveness depends on the availability of alternative suppliers and the duration of the disruption."

He stressed that a meaningful Act must go beyond policy statements.

"It should establish a comprehensive governance framework, mandate inter-agency coordination and data sharing, and provide legal authority for early warning systems, strategic reserves and emergency response mechanisms."

Lebih 300 anggota PDRM pantau penyelewengan diesel

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menempatkan lebih 300 pegawai dan anggota di stesen minyak kawasan sempadan negara sebagai langkah proaktif mengekang aktiviti penyelewengan serta penyeludupan diesel.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Khalid Ismail berkata, penugasan itu bagi memantau sebarang pembelian bahan bakar berkenaan secara berlebihan.

Beliau berkata, langkah awal itu dilaksanakan susulan pengumuman kerajaan berhubung pelarasan harga baharu diesel bersubsidi untuk rakyat tempatan pada kadar RM2.10 seliter bermula 1 Julai ini.

"PDRM turut bekerjasama erat dengan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi me-

astikan kegiatan penyeludupan ke luar negara dibasmi ke akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) ke-42 di Maktab PDRM Kuala Lumpur di sini pada Selasa.

Ahad lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan harga diesel bersubsidi untuk rakyat Malaysia diturunkan kepada RM2.10 seliter bermula bulan depan.

Anwar berkata, pelarasan itu akan dilaksanakan menerusi pembaharuan penyasaran subsidi berdasarkan kaedah pengesahan MyKad, selaras dengan pendekatan program Budi Madani RON95 (BUDI95). - *Bernama*

**PDRM tempatkan
lebih 300
anggota pantau
penyelewengan
diesel di
sempadan: KPN**

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menempatkan lebih 300 pegawai dan anggota di stesen minyak kawasan sempadan negara sebagai langkah proaktif mengekang aktiviti penyelewengan serta penyeludupan diesel.

Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Khalid Ismail berkata penugasan itu bagi memantau sebarang pembelian bahan bakar berkenaan secara berlebihan.

Beliau berkata langkah awal itu dilaksanakan susulan pengumuman kerajaan berhubung pelarasan harga baharu diesel bersubsidi untuk rakyat tempatan pada kadar RM2.10 seliter bermula 1 Julai ini.

"PDRM turut bekerjasama erat dengan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan kegiatan penyeludupan ke luar negara dibasmi ke akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) ke-42 di Maktab PDRM Kuala Lumpur di sini semalam.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan harga diesel bersubsidi untuk rakyat Malaysia diturunkan kepada RM2.10 seliter bermula bulan depan.

Anwar berkata pelarasan itu akan dilaksanakan menerusi pembaharuan penyasaran subsidi berdasarkan kaedah pengesahan MyKad, selaras dengan pendekatan program BUDI MADANI RON95 (BUDI95). — Bernama

昌明柴油補貼開跑

補貼援金總額上探600億 財赤恐增至3.6%



市場焦點

林好志／報導

（吉隆坡23日訊）政府7月起落實昌明柴油補貼計劃（Budi Madani Diesel），經濟學家指出，今年燃油補貼開銷有望降至372億令吉，但整體補貼與社會援助開銷或衝上600億令吉，政府若能通過更高石油相關收入及強化稅收應對，惟財政赤字或無法達標，料溫和增長至3.6%。

達證券首席經濟學家莎瑪瑪匯整財政部有關針對性柴油補貼改革的相关宣布後，今日在報告指出，雖然潛在省下的20億令吉僅占年度燃油補貼規模的約5%，但在全球能源價格與供應情況仍高度不確定性的當下，此舉有助政府控制開銷壓力并保有財政空間。

“但從更廣泛的補貼和社會援助框架來看，這項改革的財政意義就更清晰，因政府在今年度預算案分配的490億令吉，並非只是給燃油補貼，也涵蓋各項社會援助計劃，包括愛心援助金（STR）、愛心基本援助金（SARA）等。”

首4個月燃油補貼112億 柴油占55億

達證券報告引述財政部預測，即我國今年首4個月的燃油補貼總開銷達112億令吉，當中柴油補貼占55億令吉，或占整體燃油補貼近半。

“雖然燃油補貼開銷已从今年3月及4月的高峰水平緩和，但政府的補貼負擔仍相當高，根據財政部近期披露，每月燃油補貼平均為35億令吉，若情況持續至年底，全年燃油補貼將達約392億令吉。”

汽油柴油共享200公升補貼
每年可省20億

第二財長拿督斯里阿末爾查周一披露，7月開始汽油及柴油將共享200公升燃油補貼配額，昌明柴油補貼新機制將在全國執行，預計落實後每年可節省高達20億令吉。

該行假設，在達到這筆節省後，今年整體燃油補貼開銷有望降至372億令吉。若愛心援助金和愛心基本援助金的撥款保持在約150億令吉，計入燃油補貼後，則3者今年的補貼規模或達522億令吉。

“計入其他諸如面粉、食油、白糖等補貼，今年的補貼與社會援助開銷可能會衝上600億令吉高位，還是符合我們預測的550億至600億令吉區間。”

雖然整體補貼規模或超出政府在今年度預算案撥給補貼與社會援助計劃的490億令吉，凸顯地緣政治不確定性及國際油價高企，維持財政改革的挑戰，但達證券指出，這還是比2024年錄得的719億令吉來得低。

“若整體補貼與社會援助計劃開銷真的增加110億令吉，這可能會推高政府今年總行政開銷至3492億令吉，比今年度預算案原先預估的3382億令吉，等同按年升高約5.1%。屆時，財政赤字占國內生產總值（GDP）比重將擴大至3.6%，高於政府的3.5%目標。”

政府補貼 錢從哪來

莎瑪瑪透露，總行政開銷年度增幅遠比今年度預算案原先設想的1.8%來得高，雖然按過往記錄的標準來看並不過分，但凸顯在能源價格居高不下大環境維持補貼援助的財政成本，使得欲達成政府設下的財政赤字目標更加挑戰，而眼下的關鍵問題，在於政府如何為可能大增的補貼“买单”。

“其中一個辦法是石油相關收入潛在升高。根據我們的基本預測，布蘭特原油每桶可金穩在80美元，相比下今年度預算案預測為每桶65美元，依經濟法則推算，布蘭特原油每桶增加10美元，則有望為政府創造約30億令吉額外收入，因此每桶原油15美元的溢價等可推高石油相關收入約45億令吉，稍微抵銷補貼開銷增加。”

她說，若國際油價比預期長時間處於高位，則石油上游業務收入有望走強，進而能支撐石油所得稅（PITA）的稅收，國家石油公司（Petrusnas）潛在派發額外股息。

“歷史經驗顯示，國油在原油價格高企期間，是有能力派發更高派息，比如2022年冠病疫情後的大宗商品上升周期及俄烏爆發衝突，布蘭特原油每桶接近100美元，當時國油宣布派發500億令吉股息（包括特別股息）給政府。不過，我們在基本預測中並未假設相同的情況再發生，而是說明政府是有能力借道更高石油收入部分抵銷燃油走高的衝擊。”

除了石油相關收入，達證券指出，比起之前的油價上升周期，政府也有更大能力改善稅收效率，比如推出電子發票，透過擴大銷售與服務稅（SST）征收範圍擴大稅基等，都能在中期內為國家稅收提供額外助力。

“雖然這些措施未能全面抵銷燃油開銷走高的影響，但可助緩和油價給財政帶來的衝擊。”

燃油補貼改革雖進入下一階段，但該行相信，這不大可能會推高通脹，維持今年通脹率在2.1至2.6%。

“政府根據仁政昌明RON95汽油補貼計劃推出的昌明柴油補貼計劃，預期僅會對物價和家庭開銷帶來‘中和’影響，主要是柴油僅占大馬消費價格指數籃子比重約0.2%，遠低於汽油的5.5%，將大大降低對通脹的直接衝擊，但會幫助政府更針對性給予燃油補貼。”


達證券披露，我國今年首5月的整體通脹按年平均增長1.7%，至於核心通脹率平均為2.1%。

“整體通脹率雖在5月加速至2%，但整體軌跡仍普遍符合我們全年預測，這表示物價壓力正逐步向上，但仍處於可管理水平。”

從宏觀經濟角度而言，該行認為，昌明柴油補貼計劃可助保障家庭購買力，同時有助資格獲補貼人民抵禦高燃油成本衝擊。

“不過，基於受惠人民基数相對較小，我們不認為燃油補貼改革邁入新階段會重大影響消費前景，因此我們維持全年經濟增長預測，介乎4.3至4.7%。”

補貼與社會援助撥款



資料來源：財政部、達證券



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 JUN 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Jun	KPDN sokong inisiatif Madani Mart tawar barangan keperluan pada harga berpatutan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-sokong-inisiatif-madani-mart-tawar-barangan-keperluan-pada-harga-berpatutan/	RTM
24-Jun	Madani Mart jenama peruncitan swasta, bukan inisiatif rasmi kerajaan - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/madani-mart-jenama-peruncitan-swasta-bukan-inisiatif-rasmi-	ASTRO AWANI
24-Jun	Parlimen: Madani Mart jenama swasta, bukan kerajaan	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/parlimen-madani-mart-jenama-	UTUSAN
24-Jun	Madani Mart bukan program kerajaan - Armizan	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/784893	SINAR HARIAN
24-Jun	Madani Mart jenama perniagaan peruncitan swasta, bukan inisiatif kerajaan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1576266/madani-mart-jenama-perniagaan-peruncitan-	BERITA HARIAN
24-Jun	Madani Mart bukan program kerajaan - Armizan	https://malaysiagazette.com/2026/06/23/madani-mart-bukan-	MALAYSIA GAZETTE
24-Jun	Madani Mart jenama peruncitan swasta - Armizan	https://www.astroawani.com/video/madani-mart-jenama-peruncitan-swasta-armizan	ASTRO AWANI
24-Jun	Armizan: Ministry monitoring Madani Mart, ready to act on complaints	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/06/1470515/armizan-ministry-monitoring-madani-mart-ready-act-complaints	NST

24-Jun	KPDN teliti operasi Madani Mart	https://www.malaysiakini.com/news/777976	MALAYSIA KINI
24-Jun	Only two Madani Mart outlets licensed to sell controlled goods, says Armizan	https://theedgemalaysia.com/node/807882	THE EDGE
24-Jun	Madani Mart tertakluk pemantauan dan peraturan sama seperti entiti lain	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/06/23/only-two-madani-mart-outlets-licensed-to-sell-controlled-goods-says-armizan	THE STAR
24-Jun	KPDN teliti penyata kewangan entiti di bawah SSM termasuk Madani Mart	https://themalay-siapress.com/2026/06/23/madani-mart-tertakluk-pemantauan-dan-peraturan	THE MALAYSIA PRESS
24-Jun	KPDN rampas LPG, sita lori bernilai RM405,338	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1373871/kpdn-teliti-penyata-kewangan-entiti-di-bawah-ssm-termasuk-madani-mart	HARIAN METRO
24-Jun	KPDN Pahang bongkar stor haram LPG	https://www.kosmo.com.my/2026/06/23/kpdn-rampas-lpg-sita-lori	KOSMO
24-Jun	Pengarah KPDN Labuan lakukan kunjungan hormat ke ASB	https://malaysiagazette.com/2026/06/23/kpdn-	MALAYSIA GAZETTE
24-Jun	KPDN terus pantau pematuhan peniaga di Selangor	https://www.borneodailybulletin.com/pengarah-kpdn-labuan-lakukan-kunjungan-hormat-ke-asb/	BORNEO DAILY
24-Jun	KPDN teliti perluas mekanisme POS ke seluruh negara	https://mediaselangor.com/ms/2026/06/380802	MEDIA SELANGOR
24-Jun	Perluas mekanisme POS tangani ketirisan minyak masak subsidi - Fuziah	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1374167/kpdn-teliti-perluas-mekanisme-pos-ke-seluruh-	HARIAN METRO

24-Jun	6,850 liter petrol disyaki diseleweng berjaya dirampas	https://malaysiagazette.com/2026/06/23/perluas-mekanisme-postangani-ketirisan-minyak-	MALAYSIA GAZETTE
24-Jun	KPDN Semporna rampas 6,850 liter petrol disyaki diseleweng	https://themalay-siapress.com/2026/06/23/6850-liter-petrol-disyaki-diseleweng-berjaya-	THE MALAYSIA PRESS
24-Jun	6,850 liter petrol disyaki diseleweng dirampas dalam Ops Tiris 4.0	https://www.sayangsabah.com.my/2026/06/kpdn-semporna-rampas-6850-liter-	SAYANG SABAH
24-Jun	PDRM tempatkan lebih 300 anggota pantau penyelewengan diesel di sempadan	https://siapakeli.my/articles/6850-liter-petrol-disyaki-diseleweng-dirampas-dalam-ops-tiris-40	SIAKAP KELI
24-Jun	PDRM tempatkan lebih 300 anggota pantau penyelewengan diesel di sempadan - KPN	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1373919/pdrm-tempatkan-lebih-300-anggota-pantau-penyelewengan-diesel-di-	HARIAN METRO
24-Jun	PDRM tempatkan lebih 300 anggota pantau penyelewengan diesel di sempadan	https://themalaytribune.com/pdrm-tempatkan-lebih-300-anggota-pantau-penyelewengan-diesel-di-	THE MALAY TRIBUNE
24-Jun	PDRM tempatkan lebih 300 anggota pantau penyelewengan diesel di sempadan - KPN	https://mediabatu.com/pdrm-tempatkan-lebih-300-anggota-pantau-penyelewengan-diesel-di-sempadan/	MEDIA BATU
24-Jun	PDRM tempatkan lebih 300 anggota pantau penyelewengan diesel di sempadan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pdrm-tempatkan-lebih-300-anggota-pantau-penyelewengan-diesel-di-sempadan-kpn	ASTRO AWANI

24-Jun	KPDN Pahang gempur stor haram LPG	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-pahang-gempur-stor-haram-lpg/	RTM
24-Jun	KPDN Pahang bongkar stor haram LPG, sita barangan bernilai lebih RM400,000	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pahang-bongkar-stor-haram-lpg-sita-barangan-bernilai-lebih-	ASTRO AWANI
24-Jun	KPDN rampas LPG, sita lori bernilai RM405,338	https://www.kosmo.com.my/2026/06/23/kpdn-rampas-lpg-sita-lori-bernilai-rm405338/	KOSMO
24-Jun	KPDN Pahang bongkar stor haram LPG, sitaan lebih RM405,000	https://malaysiaaktif.my/2026/06/kpdn-pahang-bongkar-stor-haram-lpg-sitaan-lebih-	MALAYSIA AKTIF
24-Jun	KPDN Pahang busts illegal LPG storage facility	https://www.bernama.com/en/world/news.php?id=2572032	BERNAMA
24-Jun	KPDN Pahang bongkar stor haram LPG	https://pahangmedia.my/archives/53396	PAHANG MEDIA